

2/7/82

2 JUL 1982

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

RENCANA PENGARANG

Berita Harian

AKHBAR RAKYAT, AKHBAR ANDA

JUMAAT, 2 JULAI, 1982

LANGKAH EKONOMI MEMASTIKAN KEMAJUAN

PERDANA Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kelmarin mengumumkan pemotongan hampir \$4,000 juta dari belanjawan tahun ini sebagai langkah ekonomi membendung kesan kemelesetan ekonomi dunia. Seperti lain-lain negara membangun, sebarang perkembangan dalam ekonomi negara-negara perindustrian akan menjejaskan ekonomi kita. Kesannya terhadap perdagangan telah pun berlaku bila tahun ini kita mengalami kurangan dagangan yang agak besar berbanding dengan lebihan tahun-tahun sebelum ini.

Jadinya pemotongan belanjawan itu adalah langkah ekonomi yang perlu. Tetapi ia tidak pula akan menjejaskan pembangunan terutama yang melibatkan rakyat miskin secara langsung. Kerajaan telah terlebih dulu meneliti projek-projek kos tinggi yang dirasakan tidak begitu mendesak serta lain-lain projek yang boleh ditangguhkan ke tahun hadapan atau sehingga keadaan

ekonomi pulih semula. Kerana itu, walaupun nanti akan terdapat beberapa projek yang tergenat, projek-projek yang khusus untuk meningkatkan taraf ekonomi rakyat terutama di luar bandar akan berjalan terus. Demikian juga semua rancangan yang berhubungan dengan pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru akan berjalan sebagaimana yang dirancangan.

Kerana itu kita tidaklah perlu merasa terlalu bimbang dengan keadaan yang kita hadapi sekarang. Keadaan ini cumalah sementara. Langkah ekonomi yang dilaksanakan oleh Kerajaan, seperti dijelaskan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam baru-baru ini, bukanlah bermakna negara telah bangrap. Sebaliknya kita cuba menggunakan kewangan yang ada dengan lebih berhati-hati dan untuk sesuatu yang benar-benar memberi faedah. Kurangan dagangan kita berlaku bukannya kerana kesihatan perusahaan di sini telah menjadi buruk sebaliknya kerana permintaan yang kurang dari

negara-negara perindustrian. Langkah-langkah membendung kesan kemelesetan di negara-negara perindustrian utama telah menyebabkan industri yang ada tidak dapat berkembang dan yang baru tidak dapat diwujudkan. Akibatnya permintaan terhadap bahan-bahan mentah utama kita seperti getah, sawit dan petroleum, berkurangan dan harganya menurun. Bagaimanapun ekonomi negara-negara perindustrian itu sendiri akan pulih semula, dan kesan yang kita alami sekarang akan bertukar.

Iklim pelaburan kita juga tetap sihat. Seperti yang dijelaskan oleh Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Lew Sip Hon, pelabur-pelabur asing masih menunjukkan minat kepada negara ini. Lembaga Kemaajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) menerima purata 40 permohonan lesen membuka perusahaan sebulan sepanjang tahun ini. Walaupun ini 20 peratus kurang dari tahun lalu, ia masih tinggi berbanding dengan purata tahun-tahun antara 1976-80.